



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM CILIK PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA PERPADUAN
DAN TASKA PERPADUAN TAHUN 2024**

27 MAC 2024

9.00 PAGI

**GELANGGANG FUTSAL
RUMAH PANGSA IMPIAN, BANDAR SAUJANA PUTRA
KUALA LANGAT, SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bersempena **Program Cilik Perpaduan Kembali ke Tabika dan Taska Perpaduan Tahun 2024.**
2. Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan adalah merupakan salah satu institusi pendidikan awal kanak-kanak di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan Negara. **Tabika Perpaduan telah mula diperkenalkan pada tahun 1976** di bawah seliaan Lembaga Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri, manakala **Taska Perpaduan mula ditubuhkan pada tahun 2010.**
3. Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara juga telah melancarkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** bagi memberikan suntikan dan nafas baharu kepada program Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan. Matlamat pelan ini adalah untuk memperkukuh dan memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid

yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

4. Ketika ini, terdapat **1,781 Tabika Perpaduan dengan jumlah murid seramai 36,000 manakala seramai 1,000 murid di 41 Taska Perpaduan**. Pembinaan tadika dan taska perpaduan adalah diutamakan di bandar dan pinggir bandar.

5. Program **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan** adalah **memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni**. Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia. Modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan adalah seperti berikut :
 - i. **Modul Pendidikan Rukun Negara** - memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara. Kementerian juga akan memperkenalkan modul ini kepada prasekolah KPM, tadika KEMAS dan tadika swasta melalui penganjuran Simposium Pendidikan Rukun Negara pada tahun ini.

 - ii. **Modul Jom Urus Diri** - memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri

 - iii. **Modul Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa (Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

KEMUDAHAN DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN

6. Bagi tahun ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah diperuntukkan sebanyak **RM 30,076,496.00** untuk memberi kemudahan kepada semua murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Kesemua inisiatif/kemudahan adalah bagi memastikan semua murid dapat kembali ke alam persekolahan dengan bersedia, selamat dan bersemangat untuk belajar. Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) **Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 693,702.00**.
- ii) **Starter Kit Tabika Perpaduan** yang terdiri daripada baju seragam dan beg sekolah dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 2,632,020.00**.
- iii) **Starter Kit Taska Perpaduan** yang terdiri daripada baju seragam, beg sekolah dan selimut dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 113,622.00**.
- iv) **Buku Log Harian Taska Perpaduan** dengan peruntukan sebanyak **RM 20,200.00**.
- v) **Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok bagi Murid Tabika Perpaduan dan Kanak-Kanak Taska Perpaduan** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 370,000.00**.

vi) **Bantuan Makanan Tambahan (BMT)** bagi memastikan semua murid mendapat makanan yang seimbang dan berkhasiat. Pada tahun ini Kerajaan telah menaikkan kadar BMT Tabika Perpaduan sebanyak RM 1.00 menjadikan kadar baharu RM 3.00 bagi semenanjung Malaysia dan RM 3.25 di Sabah, Sarawak dan WP Labuan untuk setiap murid mengikut hari persekolahan. Manakala kadar Taska Perpaduan masih dikekalkan sebanyak RM 8.00. Jumlah keseluruhan peruntukan BMT adalah sebanyak **RM 25,876,952.00**.

vii) **Geran Perkapita Murid Tabika Perpaduan** bagi pengurusan dan pentadbiran di kelas Tabika Perpaduan dengan kadar RM100 setiap murid dengan jumlah peruntukan **RM 370,000.00**.

SISTEM E-TABIKA PERPADUAN DAN INTERNET

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

7. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah membangunkan **sistem e-Tabika Perpaduan (eTP)** sebagai pemudahcara bagi para pegawai dalam mendapatkan data maklumat berkaitan dengan pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan. Pembangunan sistem ini adalah untuk **memastikan data dan maklumat Tabika Perpaduan disimpan dengan teratur, selamat dan sistematik**. Modul dalam sistem e-TP adalah seperti berikut:

- Pendaftaran Murid
 - Pengurusan Kehadiran
 - Pengurusan Data Murid
 - Pengurusan Data Guru
 - Pengurusan Kewangan
 - Pengurusan Data Premis
 - Pentaksiran Murid
 - Pengurusan Bahan Pembelajaran (e-Learning)
8. Sistem pendidikan pada masa kini sedang mengalami perubahan yang amat pesat seiring dengan **perkembangan pendidikan digital**. Sebagai salah satu usaha ke arah tersebut, **JPNIN memastikan semua kelas Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan mendapat kemudahan akses internet.**
9. Ketika ini, JPNIN membiayai sebanyak **801 buah kelas Tabika dan Taska Perpaduan dengan perkhidmatan pelbagai *provider telco* dengan kos sebanyak RM1,045,303.92 setahun**. Sekiranya perkhidmatan pelbagai *provider telco* ini diperluaskan kepada baki **1021 Tabika dan Taska Perpaduan**, maka **kos keseluruhan akan meningkat kepada RM 2,368,519.92.**
10. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penjimatan kerajaan, maka jabatan telah **menyeragamkan penyediaan perkhidmatan internet kepada 1822 Tabika dan Taska Perpaduan** di seluruh negara menggunakan pelan langganan **CelcomDigi khas untuk Tabika dan Taska Perpaduan dengan bayaran bulanan RM 63.60 dan kos setahun berjumlah RM 1,390,550.00.**

11. Penyeragaman ini telah **menjimatkan sebanyak RM 997,969.52 setahun** berbanding menggunakan pelbagai perkhidmatan *provider telco* sedia ada. Penggunaan internet ini mampu membentuk satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dalam mencapai setiap objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. Murid-murid adalah pewaris masa hadapan negara. **Generasi muda hari ini merupakan cerminan masa depan negara.** Justeru, marilah kita sama-sama mencorakkan nilai yang positif dalam membentuk generasi yang progresif dari semua aspek bagi mencapai pembangunan masyarakat MADANI yang diidamkan.
13. Sekali lagi, terima kasih kepada semua ibubapa dan masyarakat yang telah memilih Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni.
14. Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.